

## Warisan Seni Silat Hulubalang Melaka Merentas Zaman

Muhammad Firdaus Najmie Hamzah  
Aaniyah Mohd Shariff  
Mohd Nizam Yunus  
Azman Mat Isa

**Fakulti Pengurusan Maklumat,  
UiTM Kampus Puncak Perdana**

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

### Abstrak

*Penulisan artikel ini bertujuan untuk memenuhi tugas kursus Sejarah Lisan disamping memahami dengan lebih mendalam tentang warisan Seni Silat Hulubalang Melaka. Silat secara umumnya merupakan salah satu seni mempertahankan diri yang dipraktik dan diwarisi oleh kaum Melayu sejak zaman dahulu hingga ke saat ini. Silat juga mempunyai pelbagai cabang dan jenis-jenisnya mengikut warisan yang terdapat di setiap negeri dan budaya. Setiap jenis silat juga mempunyai langkah dan teknik silat yang berbeza kerana setiap silat pastinya mempunyai keistimewaan tersendiri. Begitu juga dengan seni silat Hulubalang Melaka, dimana ianya mempunyai kelainan tersendiri berbanding silat-silat yang lain. Dari segi langkah dan teknik, pakaian, senjata ataupun alat muzik yang dimainkan semasa latihan dan persembahan silat, segalanya ada keunikan berbanding silat-silat lain yang terdapat di Malaysia. Kesimpulannya, Silat Hulubalang Melaka yang menjadi antara warisan seni mempertahankan diri perlu dikembang dan diberi perhatian, khususnya daripada golongan remaja dan belia kerana mereka adalah golongan yang menjadi pewaris untuk meneruskan seni bela ini.*

Kata kunci: Silat Hulubalang Melaka, warisan, seni mempertahankan diri, senjata, pantang larang.

**Pendahuluan:**

Silat bermaksud seni atau kepandaian seseorang dalam berjuang dengan menggunakan ketangkasan menyerang dan mempertahankan diri. Silat dipercayai berasal dari warisan tradisional asli dari kepulauan Melayu yang terdiri daripada negara Malaysia, Indonesia, Brunei, Filipina Selatan, dan Thailand Selatan selaras dengan penyebaran berbagai suku bangsa Nusantara Alam Melayu. Ada yang menganggarkan seni silat ini telah mencecah usia ratusan tahun dan diperturunkan daripada generasi kepada generasi seterusnya. Pesilat adalah satu gelaran yang diberikan kepada mereka yang mempelajari ilmu silat.

Secara umumnya, tenaga pengajar atau guru silat digelar jurulatih. Kebanyakan guru silat kini menolak untuk menggunakan gelaran Mahaguru kerana bagi mereka gelaran 'Maha' hanya sesuai untuk Allah yakni Tuhan. Ini secara tidak langsung menepati dengan perwatakan guru silat yang kebiasaannya gemar menyembunyikan kemahiran mereka dan amat merendah diri. Ahli silat yang telah lama berkecimpung dalam dunia silat sebagai tenaga pengajar, dan juga berkemahiran tinggi serta mewarisi beberapa aliran yang telah hilang digelar sebagai Guru Tua dan amat dihormati. Pendekar pula merupakan pesilat yang mempunyai tahap silat yang tinggi.

Menurut laman web Silat Warisan Bangsa Malaysia, antara senjata Melayu lama yang kebiasaannya sering digunakan oleh pesilat semasa latihan mahupun persembahan adalah seperti keris, parang, pedang, tongkat, tombak, cindai, kapak, sabit dan sundang. Bagi silat yang tidak menggunakan senjata, semasa sesi latihan dan pembelajaran mereka hanya akan menumpukan perhatian kepada pertempuran tanpa senjata. Kebiasaannya, penuntut atau murid baru akan ditumpukan kepada kemahiran tempur tangan kosong sebelum diajar bermain senjata. Bagi sesetengah aliran silat, hanya murid yang diiktiraf berkemahiran dan mempunyai adab keperibadian yang tinggi akan dibenarkan mempelajari kemahiran senjata, terutama bagi yang mempunyai senjata yang dianggap senjata 'resmi' bagi aliran itu.

Pergerakan silat terbagi kepada bunga yang sesetengah perguruan menganggapnya sebagai pergerakan seolah-olah tarian, digelar juga seni atau tari. Tetapi sebenarnya ia adalah langkah untuk memusatkan tenaga atau mengumpul tenaga atas tubuh badan seorang pesilat dan buah pukulan. Bagi mereka yang tidak pernah melihat seni pertahanan diri ini, ia barangkali kelihatan seperti sejenis tarian. Namun, terdapat aliran yang hanya mempunyai buah seperti Silat Cekak. Seni tari yang halus ini memungkinkan ia digunakan sebagai persembahan dalam sesuatu majlis keramaian, malah hampir setiap aliran mempunyai 'tari sembah' termasuklah aliran yang tidak mempunyai bunga. Tari sembah ini dipersembahkan untuk memperkenalkan diri dan aliran yang diwakili dan dipelajari. Dalam situasi pertarungan, permulaan langkah daripada tari sembah atau sejourus daripada bunga yang diperlihatkan membolehkan pesilat mengenali rakan sealiran dan memungkinkan keadaan berakhir dengan perdamaian dan saling bermaafan.

### **Silat Hulubalang Melaka**

Menurut laman web Persatuan Seni Silat Hulubalang Melaka, seni Silat Warisan Hulubalang Melaka merupakan seni warisan silat pertahanan dan persembahan yang terkenal di negeri Melaka. Seni silat ini agak unik jika dibandingkan dengan silat-silat lain yang terdapat di Malaysia. Seni silat ini juga dipersembahkan dengan diiringi rentak alatan muzik tradisional. Selain itu, seni Silat Hulubalang Melaka ini juga sering dipertandingkan di peringkat negeri dan pernah juga ke peringkat antarabangsa.

Dalam pada itu, Silat Hulubalang Melaka juga amat popular kerana seringkali dijemput untuk mengadakan persembahan seperti di majlis keraian, majlis perkahwinan, kenduri-kendara dan lain-lain. Selain untuk menyerikan suasana majlis, warisan seni Silat Hulubalang Melaka juga bertujuan untuk mendidik dan mendedahkan kepada golongan muda tentang pentingnya memelihara seni warisan pertahanan diri. Dari segi perolehan pendapatan, Silat Hulubalang Melaka menerima bayaran mengikut jam persembahan.

Menurut pewaris Persatuan Seni Silat Warisan Hulubalang Melaka, ilmu persilatan yang dipelajari berasal daripada permainan Laksamana Hang Tuah lima bersaudara ketika bergelar Hulubalang Melaka. Selepas beberapa generasi yang mewarisi ilmu persilatan ini dikenalpasti, seorang pendekar bernama Husin Cengkok dari Pengkalan Balak Melaka telah mewariskan kepada Mat Aris Raja Burung yang terkenal dengan kepantasannya bersilat, menggerunkan sesiapa sahaja yang ingin menduganya.

Mat Aris Raja Burung pula telah menurunkan ilmu persilatan ini kepada Allahyarham Haji Sotin bin Mohd Ali, satu nama yang tidak asing lagi dalam dunia persilatan tanahair mahupun diperingkat antarabangsa. Allahyarham merupakan seorang tokoh yang bertanggungjawab melahirkan ramai juara-juara kebangsaan dan antarabangsa. Beliau merupakan Ketua Dewan Pendekar yang pertama Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA) dan Persekutuan Silat Antarabangsa (PERSILAT). Pada tahun 1983, bertempat di Padang Temu, Allahyarham telah membuka gelanggang dan mula mencurahkan ilmu Laksamana Hang Tuah ini kepada generasi-generasi muda. Allahyarham kembali ke Rahmatullah pada tanggal 26 Ogos 1991. Setelah itu, aliran perguruan ini dipertanggungjawabkan pula kepada menantu beliau iaitu Guru Abas bin Bahaman untuk meneruskan perjuangan beliau didalam dunia persilatan.

### **Cara pemakaian Silat Hulubalang Melaka**

Setiap persatuan silat yang ada di Malaysia pasti mempunyai cara pemakaian yang tersendiri tetapi tidak jauh beza kerana pakaian asas untuk silat adalah baju dan seluar berwarna hitam. Menurut artikel Pengurusan Pemeliharaan Seni Silat dalam Ilmu Mempertahankan Diri oleh Nurshahira Md Sabudi (2012) tengkolok, baju Melayu, bengkung, dan kain samping merupakan antara unsur seni didalam seni persilatan Melayu. Di sesetengah tempat, tengkolok dikenali juga sebagai destar ataupun setangan dan kain samping dikenali sebagai kain selendang ataupun kain sarung. Bagi Persatuan Silat Hulubalang Melaka mereka ada adat istiadat pemakaian

tersendiri iaitu pada peringkat awal menjadi ahli, pesilat dibenarkan untuk memakai pakaian biasa sahaja. Tetapi apabila sudah masuk latihan pesilat dikehendaki memakai kemeja-T hitam dan berseluar panjang hitam. Tetapi ketika membuat persembahan pakaian untuk persembahan silat pula pada kebiasaannya ialah baju dan seluar silat berwarna hitam, bertengkolok, bersampin dan berbaju layang, dimana baju-baju layang tersebut bergantung kepada tahap pembelajaran seseorang pesilat itu. Pakaian rasmi dalam Silat Hulubalang Melaka, pemakaian silat biasanya dianugerahkan tali pinggang dan warna rasmi yang ada dalam Hulubalang adalah mengikut kepada warna tali pinggang iaitu tahap-tahap pencapaian pembelajaran seseorang pesilat itu dan warna-warna tersebut ialah pada peringkat awalnya Putih, Merah, Kuning dan Hijau.

Dalam Persatuan Silat Hulubalang Melaka juga terdapat orang yang bertanggungjawab untuk menjaga ketertiban pakaian pesilat-pesilat mereka. Pakaian dalam jawatankuasa Silat Hulubalang Melaka atau dalam struktur organisasi persatuan mereka mempunyai satu jawatan dimana salah seorang Jurulatih Kanan akan memastikan adat istiadat dan juga pemakaian bagi setiap pesilat akan dijaga oleh Jurulatih Kanan bagi memastikan ianya tidak lari daripada konsep asal persatuan. Selain itu, terdapat juga beberapa aksesori lain dalam pemakaian Silat Hulubalang Melaka yang digunakan ketika persembahan dan juga ketika pertandingan antaranya ialah tengkolok, sampan dan bengkung. Pemakaian dalam Silat Hulubalang Melaka juga berbeza mengikut tahap seseorang pesilat dimana mereka mengenakan pakaian mengikut tahap pembelajaran masing-masing. Pada peringkat awal, mereka akan mengenakan pakaian serba hitam dan tali pinggang putih. Apabila sudah sampai ke tahap berikutnya, pesilat akan naik ke tahap warna merah kemudian warna kuning dan tahap akhir sekali ialah warna hijau bagi Pembantu Jurulatih, Penolong Jurulatih dan Jurulatih.



Gambar 1: Antara gambar semasa sesi latihan silat diadakan

### **Senjata dan alat muzik yang digunakan dalam Silat Hulubalang Melaka**

Selain daripada langkah-langkah dan pukulan-pukulan dalam Silat Hulubalang Melaka, pesilat akan diajar untuk menguasai permainan bersenjata. Beberapa jenis senjata akan diajar mengikut tahap-tahap tertentu. Pada peringkat awal pesilat akan diajar asas melangkah dalam pergerakan iaitu menumbuk dan menendang dalam keadaan melangkah termasuk buah pukul atau dikenali sebagai asas tempur. Daripada asas tempur kemudian pesilat akan belajar bertempur dengan dua komponen iaitu tempur tangan kosong dan juga tempur bersama senjata. Tempur tangan bersama senjata itu akan didahulukan dengan senjata keris.

Menurut Khamis Mohamad, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman & Abdul Latif Samian (2012) di dalam sesebuah pertarungan atau pertikaman, senjata panjang tidak diperlukan. Apabila bersenjata, senjata tersebut perlu dihindar daripada pandangan musuh. Ini bertujuan untuk mengelirukan musuh tersebut. Senjata keris merupakan senjata utama yang digunakan oleh masyarakat dahulu. Manakala senjata-senjata lain yang digunakan dalam Silat Hulubalang Melaka seperti rotan, golok atau parang, tekpi dan cindai atau selempang akan diajar secara berperingkat sehingga pesilat benar-benar mahir menguasai keris. Alat muzik yang digunakan untuk mengiringi persembahan silat pula hanyalah sebuah gong dan sebuah gendang sahaja.



Gambar 2: Antara senjata yang digunakan dalam latihan dan persembahan Silat Hulubalang Melaka

### **Proses latihan dan pembelajaran Silat Hulubalang Melaka**

Mila Mardotillah dan Dian Mochammad Zein (2017) berpendapat bahawa latihan silat dapat memberi kekuatan dalam membantu antara satu sama lain

sebagai usaha untuk mengekalkan identiti budaya. Ini merupakan satu potensi yang positif untuk meningkatkan pengetahuan awam sebagai identiti kebangsaan yang berkualiti secara fizikal dan mental. Bagi Persatuan Silat Hulubalang Melaka, mereka mempunyai tiga sesi latihan untuk melatih pesilat dan biasanya bagi sesi pagi dan petang kelas latihan adalah untuk pelajar-pelajar sekolah ketika sesi kokurikulum. Ia bermula pada jam 10 pagi hingga 12 tengah hari untuk pelajar sesi pagi. Bagi pelajar sesi petang pula adalah bermula pada jam 5 petang hingga 6.45 petang. Manakala bagi sesi malam, untuk pesilat-pesilat dalam Persatuan Silat Hulubalang Melaka yang terdiri daripada orang awam akan berlatih di gelanggang utama bertempat di Padang Temu bermula pada 9.30 malam hingga jam 11.30 malam. Kebiasaannya waktu latihan silat yang diperuntukkan adalah selama dua jam pada setiap hujung minggu.

Menurut En Norazman (2018), dalam Silat Hulubalang Melaka beliau sangat menitik beratkan satu perkara sebelum masuk ke gelanggang silat iaitu sebelum seseorang pesilat itu masuk ke gelanggang latihan, setiap pesilat dinasihatkan untuk memastikan diri masing-masing berada dalam keadaan yang bersih. Pesilat juga disarankan untuk berwudhu terlebih dahulu kemudian baca surah Al-Fatihah ketika masuk ke gelanggang dan bacaan doa sebelum mereka mulakan latihan. Dalam satu artikel yang ditulis oleh Shukri J., Zaimilah Y., M. Surat dan Ab. Majid (2017) menyatakan bahawa ramai pengamal silat masih mengamalkan perkara-perkara berunsur tahyul dan khurafat yang bertentangan dengan Islam seperti berdampingan dengan khadam jin, membuka gelanggang dengan menyimbah darah ayam, menyeru kuasa ghaib, jampi serapah dan sebagainya. Hal ini menyebabkan mereka mahu menerapkan unsur keagamaan dan pada masa yang sama dapat berdakwah kepada anak muda mengenai ajaran Islamiah yang tidak bercanggah dan mengelak daripada melakukan unsur-unsur syirik yang boleh merosakkan akidah seseorang. Dalam Silat Hulubalang Melaka terdapat beberapa langkah-langkah yang akan dipelajari oleh setiap pesilat. Silat Hulubalang Melaka terkenal dengan keunikan dan kepantasan pergerakan berbanding silat-silat yang lain. Langkah yang terdapat dalam silat ini cukup mantap dan tangkas akan dipelajari oleh setiap pesilat akan diajar oleh Jurulatih mengikut silibus dalam



sukatan pembelajaran yang telah digariskan oleh guru sebelumnya dan menjadi panduan kepada pesilat-pesilat Hulubalang. Antara langkah-langkah yang akan diajar ialah Langkah Empat Sebelah, Langkah Lima Sembilan Tarik, Langkah U, Langkah Persembahan U, Langkah Tetak dan Langkah Persembahan Hulubalang. Kesemua langkah-langkah ini akan dipelajari oleh pesilat sehingga mereka benar-benar mantap pergerakannya.

Untuk mereka yang berminat menjadi pelatih silat, mereka harus menguasai kesemua langkah-langkah dan tahap-tahap yang terdapat dalam Silat Hulubalang Melaka untuk melayakkannya menjadi seorang pelatih silat. Seorang pelatih silat terdiri daripada bermula dengan Pembantu Gelanggang, Pembantu Jurulatih, Penolong Jurulatih dan Jurulatih. Seseorang pesilat adalah layak untuk menjadi pelatih setelah mereka melepasi tahap pembelajaran yang ke sebelas. Selepas yang ke sebelas, yang ke dua belas itu sudah masuk dalam silibus mengajar.



Gambar 3: Ahli silat mempelajari dan berlatih ilmu silat

### **Pantang larang dalam Silat Hulubalang Melaka**

Menurut laman web Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia, seperti mana persatuan-persatuan silat yang lain, begitu juga dengan Persatuan Silat Hulubalang Melaka juga mempunyai pantang larang tersendiri. Pantang larang ini adalah sebagai garis panduan seseorang pesilat itu sendiri agar tidak lari dari landasan yang sepatutnya. Antara pantang larang yang terdapat dalam Silat Hulubalang Melaka ialah seseorang pesilat itu tidak boleh menderhaka kepada kedua ibu bapa, menderhaka kepada guru, bergaduh sesama seperguruan dan yang lebih penting sekali ialah melanggar akidah Islamiah itu sendiri.

### **Syarat-syarat untuk menyertai Silat Hulubalang Melaka**

- I. Terbuka kepada lelaki , perempuan, kanak-kanak, remaja dan dewasa.
- II. Melayu Islam.
- III. Tidak melakukan perkara-perkara syirik.

### **Pencapaian Persatuan Silat Hulubalang Melaka**

- I. Silat Hulubalang Melaka pernah muncul sebagai pasukan terbaik dalam pertandingan silat peringkat negeri.
- II. Silat Hulubalang Melaka pernah muncul sebagai juara keseluruhan dan pasukan terbaik peringkat negeri Melaka.
- III. Mewakili negara ke tahap antarabangsa sebanyak tiga kali, dua di Indonesia dan satu di Singapura.

### **Kesimpulan**

Sebagai salah satu seni warisan bela diri negara yang terkenal iaitu silat Hulubalang Melaka, tidak seharusnya dilupakan dan diabaikan oleh masyarakat pada masa kini. Hal ini adalah kerana ia merupakan khazanah negara yang tidak ternilai dan merupakan salah satu identiti masyarakat Melayu kita. Sebenarnya, seni bela diri silat atau pencak silat ini telah berjaya mengharumkan nama negara dipersada dunia dengan pertandingan yang dianjurkan yang diwakili oleh pesilat untuk bertanding diluar. Malah En Norazman selaku Ketua Jurulatih Silat Hulubalang Melaka pernah mengharumkan nama Malaysia ketika tahun 80-an dahulu. Banyak kejayaan

telah dicapai dalam pertandingan yang disertai beliau sama ada di dalam mahupun di luar negara. Selain itu, beliau dan ahli persatuan tidak jemu untuk terus mempromosi dan menarik lebih ramai anak muda untuk belajar silat agar ianya dapat diteruskan untuk generasi akan datang. Beliau juga sangat berbangga kerana terdapat juga masyarakat luar dari negara Barat yang tertarik untuk mempelajari silat-silat yang ada dan sanggup datang ke Malaysia, Indonesia dan Singapura khususnya untuk mendalami silat. Silat juga telah dipertandingkan di Sukan SEA, Sukan Asia dan juga Olimpik. Bukan itu sahaja, silat juga telah berada dalam pertandingan seperti Mixed Martial Arts (MMA) yang dipertandingkan oleh orang asing. Oleh yang demikian, janganlah kita terus melupakan keunikan seni ini dan berasa ianya tidak penting kerana ia sebenarnya telah memberi banyak kelebihan kepada negara kita.

### Rujukan

- Mohamad, K., Nik Abdul Rahman, N., & Samian, A. (2012). Falsafah Perkerisan dalam Masyarakat Melayu. Retrieved December 19, 2018, from [http://journalarticle.ukm.my/5489/1/Falsafah\\_Pekerisan\\_dalam\\_Masyarakat\\_Melayu.pdf](http://journalarticle.ukm.my/5489/1/Falsafah_Pekerisan_dalam_Masyarakat_Melayu.pdf)
- Janudin, S., Yusuff, Z., Surat, M., & Ismail, A. (2017). Pengaruh Sosio Politik Pasca Kemerdekaan Terhadap Perkembangan Silat Melayu di Malaysia Melalui Pengalaman Seni Silat Cekak Malaysia. Retrieved December 24, 2018, from <http://www.malaycivilization.com.my/artikel-seni-silat-melayu/>
- Md Sabudi, N. (2012). Pengurusan Pemeliharaan Seni Silat dalam Ilmu Mempertahankan Diri. Retrieved December 24, 2018, from [https://ir.unimas.my/18821/1/Pengurusan\\_pemeliharaan\\_seni\\_silat\\_\(24pgs\).pdf](https://ir.unimas.my/18821/1/Pengurusan_pemeliharaan_seni_silat_(24pgs).pdf).
- Mardotillah, M., & Zein, D. M. (2017). Silat : Identitas Budaya, Pendidikan, Seni Bela Diri, Pemeliharaan Kesehatan. *Jurnal Antropologi: Isu-Isu Sosial Budaya*, 18(2), 121. doi:10.25077/jantro.v18i2.62
- Kumaidah, E. (n.d.). PENGUATAN EKSISTENSI BANGSA MELALUI SENI BELA DIRI TRADISIONAL PENCAK SILAT. Retrieved December 24, 2018, from <https://media.neliti.com/media/publications/5024-ID-penguatan-eksistensi-bangsa-melalui-seni-bela-diri-tradisional-pencak-silat.pdf>.
- Silat Hulubalang Melaka. (2006). Retrieved from <http://hulubalang1.tripod.com/>

Silat – Warisan Bangsa Malaysia. (2018). Retrieved from  
<http://www.jkkn.gov.my/ms/silat-warisan-bangsa-malaysia>

Pantang Larang. (2009). Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia. Retrieved  
from <https://www.silatcekak.org.my/index.php/pantang-larang>